



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpk.gov.my

SIARAN MEDIA

MAKLUM BALAS MEDIA BERKENAAN KENYATAAN DATUK AMEER ALI MYDIN BAGI MENAIKKAN HARGA SILING BERAS PUTIH TEMPATAN (BPT) DAN KEBENARAN PEMBELIAN BERAS PUTIH IMPORT (BPI) DENGAN HARGA BORONG OLEH PENGUSAHA RESTORAN

PUTRAJAYA, 28 SEPTEMBER 2023 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) ingin memberikan penjelasan dan maklum balas kepada kenyataan Datuk Ameer Ali Mydin berkenaan cadangannya untuk menaikkan harga siling BPT kepada RM34 setiap 10 kilogram (kg) dan kebenaran pembelian BPI dengan harga borong oleh pengusaha restoran seperti yang dilaporkan dalam *Free Malaysia Today* pada 27 September 2023.

Untuk makluman, keputusan KPKM untuk memberikan kebenaran pembelian BPI pada harga borong iaitu RM160/50kg (harga di pintu gudang) kepada persatuan-persatuan restoran, pengusaha makanan dan penjaja kecil adalah bagi membantu pihak pengusaha restoran, makanan dan penjaja kecil mendapatkan BPI dengan harga borong bagi perniagaan mereka. Melalui kaedah ini, pihak peniaga dapat mengawal kos operasi dan memastikan harga nasi yang dijual tidak dinaikkan harga. Dalam masa yang sama, usaha ini juga untuk memastikan bekalan BPT akan dapat distabilkan dengan mengurangkan pembelian yang banyak oleh pengusaha restoran, makanan dan penjaja kecil untuk kegunaan perniagaan berbanding pembelian untuk keperluan isi rumah.

Dalam hal ini, KPKM mengambil langkah tersebut untuk mengimbangi keperluan beras bagi tujuan perniagaan dan kegunaan isi rumah dalam tempoh permintaan yang tinggi kepada bekalan BPT pada masa ini. Persetujuan ini telah dicapai melalui sesi libat urus di antara KPKM dan persatuan-persatuan restoran, pengusaha makanan dan penjaja kecil pada 15 September 2023.

Berkait dengan cadangannya untuk menaikkan harga BPT, KPKM ingin memaklumkan bahawa harga BPT di peringkat runcit masih dikawal pada kadar RM2.60 sekilogram sebagaimana yang tertakluk di bawah Perintah Beras (Kawalan Gred dan Harga) (Pindaan No.4) 2008, Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522].

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
28 SEPTEMBER 2023